

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PELANCARAN KOPERASI TENAGA  
HIJAU (M) BERHAD  
22 DISEMBER 2023 (JUMAAT)**

**8.30 MALAM**  
**HOTEL OAKWOOD & RESIDEN, KL**

---

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum  
Wabarakatuh

Warahmatullahi

Salam Perpaduan, Salam Malaysia  
Madani dan Salam Koperasi

## **[SALUTASI RUJUK URUSETIA PROGRAM]**

1. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang memberi keizinan untuk kita

bertemu dalam satu majlis yang cukup bermakna pada petang yang berbahagia ini dalam usaha untuk memperkasakan lagi sosio-ekonomi rakyat melalui penubuhan Koperasi Tenaga Hijau (M) Berhad.

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak koperasi kerana kesudian untuk menjemput saya bagi majlis pelancaran koperasi ini. Saya yakin penubuhan koperasi ini merupakan satu bentuk komitmen oleh anda

semua untuk turut bersama dalam keusahawanan koperasi yang bakal menyumbang manfaat kepada rakyat di negara ini.

3. Saya amat teruja dengan kehadiran tuan – tuan dan puan – puan pada malam ini. Sesungguhnya

koperasi merupakan wadah yang tepat untuk kita bersama membangunkan semula keperluan sosial dan ekonomi untuk memperbaiki taraf kehidupan dan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

4. Di Malaysia terdapat tiga agensi dan badan yang bertanggungjawab terhadap kawal selia, pendidikan dan pemerkasaan gerakan koperasi iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan

Angkatan Koperasi Kebangsaan  
Malaysia Berhad (ANGKASA).,  
ANGKASA telah diberi tanggungjawab  
untuk menyatukan gerakan koperasi,  
mewakili gerakan koperasi di peringkat  
nasional dan antarabangsa, serta  
merangsang perniagaan gerakan  
koperasi agar dapat memberi manfaat

berterusan kepada anggota serta masyarakat secara umumnya.

5. Penubuhan sesebuah koperasi bukan sahaja dapat menyumbang manfaat kepada anggotanya malah limpahannya turut dirasai oleh masyarakat di negara ini.. Platform

koperasi dijadikan pusat penjanaan sosiekonomi seperti mewujudkan peluang pekerjaan, pendidikan keusahawanan serta penyediaan produk dan perkhidmatan berkualiti kepada anggota.

6. Untuk makluman sehingga Jun 2023, terdapat 15556 buah koperasi di seluruh negara, dengan keanggotaan sebanyak 7.3 juta individu, syer/yuran sebanyak RM17.47 Bilion, aset sebanyak RM161.96 Bilion dan perolehan sehingga Disember 2022 sebanyak RM45.5 Bilion. Angka ini adalah mengikut statistik yang

dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

7. Saya mempunyai sepenuh keyakinan bahwasanya dengan tertubuhnya koperasi ini, jumlah sumbangan perolehan koperasi akan dapat lebih dipacu pada masa hadapan. Ini kerana

kerajaan meletakkan harapan yang tinggi kepada koperasi di mana ditetapkan sasaran RM60 Bilion perolehan untuk tahun 2025 dan RM100 Bilion menjelang 2030 bagi sektor koperasi.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

8. Dalam menghadapi perubahan iklim global dan keperluan sumber alam yang Lestari, masyarakat dunia semakin mengarah pada pengembangan sumber terbaru atau yang dikenal sebagai tenaga hijau. Dalam konteks ini,

gerakan koperasi khususnya koperasi tuan – tuan dan puan -puan boleh untuk memainkan peranan yang signifikan dalam memajukan dan mendukung inisiatif tenaga hijau.

9. Pelaburan teknologi hijau dicatatkan sebanyak RM1.3 bilion (AS\$268 juta)

antara Januari dan Jun tahun ini, mewakili pertumbuhan sebanyak 21.9 peratus tahun ke tahun, menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Justeru koperasi juga seharusnya mengambil peluang untuk turut serta terlibat dan saya mengucapkan syabas dan tahniah

kepada koperasi ini kerana berani mengambil langkah melibatkan diri dalam bidang ini.

10. Sebagai entiti yang bersandarkan kepada prinsip dan jati diri koperasi, tanggungjawab kita semua kepada menyokong kehidupan adalah

menyeluruh di mana koperasi terlibat secara terus dengan apa yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan 2030 atau SDG2030. Usaha ini juga sejajar dengan komitmen kerajaan mengaplikasikan teknologi hijau sebagai pemacu

pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan yang lebih mampan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

11. Saya mendoakan agar koperasi ini akan membawa perubahan signifikan kepada landskap perniagaan koperasi

dan ANGKASA akan menyokong serta membantu untuk membentuk satu ekosistem baharu terutamanya dalam bidang teknologi hijau. Semoga apa yang kita usahakan ini akan mendapat keberkatan serta memberi impak dalam memajukan lagi pertumbuhan sosio-ekonomi negara ini.

12. Dengan lafaz  
Bismillahirrahmanirahim saya dengan ini  
melancarkan **KOPERASI TENAGA HIJAU**  
**(M) BERHAD** pada malam ini.

Sekian terima kasih. Wabillahitaufik  
walhidayah, wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.